



MAKLUMAN CP58 BAHARU

Dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah memuat naik borang CP58 versi baharu dalam format PDF dan Excel serta Nota Panduan ke laman sesawang, <http://www.hasil.gov.my> :

Laman Utama > Borang > Borang Nyata > Lain-lain Borang > Borang CP58

Sekiranya borang versi lama (borang CP58 [2011]) telah diguna pakai bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, syarikat pembayar tidak perlu menyediakannya semula dengan menggunakan borang versi baharu (borang CP58 [Pin. 1/2013]).

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, borang CP58 hanya perlu disediakan dan dikemukakan oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih bagi amaun insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai yang melebihi RM 5,000. Sekiranya dikehendaki mengemukakan senarai maklumat CP58 kepada LHDNM, syarikat pembayar perlu mengemukakan maklumat tersebut termasuk insentif bagi amaun RM 5,000 dan ke bawah.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

JKK/BKK/Media/mbm